

Nama : _____

Kelas: _____

A- Isi tempat kosong dengan jawapan yang sesuai.

Suasana Sambutan Hari Raya Aidilfitri

Pada minggu lepas, saya dan keluarga telah (1) _____ Hari Raya Aidilfitri dengan sangat meriah. Pada malam sebelum hari raya, ayah dan abang telah menggantung lampu berwarna- warni dan pelita di (2) _____ rumah. Manakala saya membantu ibu dan kakak memasang (3) _____ dan mengemas rumah.

Pada pagi hari raya, saya dan keluarga akan bangun (4) _____ pagi. Selepas mandi, saya dan adik-beradik yang lain akan (5) _____ baju hari raya seperti baju Melayu dan baju kurung. Selepas itu kami ke masjid. Setelah pulang dari masjid, saya dan adik-beradik akan bersalam-salaman dengan ibu dan bapa. Ibu dan bapa saya akan (6) _____ duit raya kepada saya .

Setelah itu, pada jam 11 pagi, kami sekeluarga akan terus ke rumah nenek .Nenek saya telah memasak banyak hidangan istimewa seperti (7) _____ dan lontong serta rendang. Kami sekeluarga memang suka masakan nenek. Di rumah nenek, ramai saudara-mara yang datang untuk beraya. Suasana (8) _____ di rumah nenek sangat (9) _____ sekali.

Saya mendapat banyak (10) _____. Saya juga telah (11) _____ dengan sepupu-sepupu saya serta berbual-bual dengan pakcik saya. Hari Raya telah mengeratkan hubungan kami sekeluarga. Pada setiap tahun, kami akan bertemu dengan sanak-saudara. Ini adalah masa di mana saya amat (12) _____.

ketupat

duit raya

awal

meriah

bermain-main

langsir

memakai

memberi

hari raya

menyambut

gembira

halaman